



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 12 JULAI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	MINISTER: AGROFOOD ENTREPRENEURS TO BE ASSISTED TO ENSURE CONTINUOUS FOOD SUPPLY DURING, NEWS, TAMIL MALAR -2 AGRICULTURE MINISTRY PLANS TO ADD MORE CONTROLLED FRESH MARKETS, FARMER'S MARKETS, NEWS, TAMIL MALAR -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	MAFI PRIHATIN BANTU GOLONGAN TERKESAN COVID-19, NASIONAL, SH -5	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	BIOECONOMY CORPORATION SASAR 1,000 PESERTA DAPAT PEKERJAAN, BISNES, BH -37	BIOECONOMY DEVELOPMENT CORPORATION (BIOCORP)
5. 6.	KELANTAN TAMBAH TEMPAT SEMBELIHAN KORBAN, NASIONAL, BH -18 IBADAH KORBAN PERSENDIRIAN DILARANG DI KELANTAN, NEGERI KELANTAN/TERENGGANU, SH -33	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7. 8.	DURIAN KUALA KRAI DIJUAL RM5 SEKILO, NEGERI KELANTAN, SH -34 NURSERI PAK MOKHTAR GUNA 1,000 BESEN SEMAI POKOK, DALAM NEGERI, UM -26	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Minister: Agrofood entrepreneurs to be assisted to ensure continuous food supply during		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	12 Jul 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	2	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	184 cm <sup>2</sup>
Journalist	NULL	AdValue	RM 946
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,837



## உணவுத் துறையில் ஈடுபட்டவர்களுக்கு உதவுவீர்!

பெலுரான், ஜூலை 12-

மக்களுக்கு எப்போதும் உணவுக் கையிருப்புக் கிடைப்பதில் உத்தரவாதம் அளிக்கும் பொருட்டு கோவிட் தொற்றினால் பாதிக்கப்பட்ட உணவுத் துறைகளில் உள்ளவர்களுக்கு உதவ வேண்டும் என்று விவசாயம் மற்றும் உணவுத் தொழில்துறை அமைச்சர், டத்தோபூரி டாக்டர் ரொனால்ட் கியாண்டி வலியுறுத்தினார்.

அரசு அறிவித்த தேசியப் பொருளாதார மீளாக்கத்திட்டம் (பெஞ்சானா), மக்கள் பாதுகாப்பு மற்றும் பொருளாதார மீட்சித் திட்டம் (பெமுலே) ஆகியவை இந்த உணவுத் தொழில் முனைவர்களைச் சென்றடைவதை அமைச்சர் தொடர்ந்து உறுதிப்படுத்தும்.

தொற்றினால் பாதிக்கப்பட்ட சிறு, நடுத்தரத் தொழில் முனைவர்கள் மீண்டும் மீட்சியடைந்து தங்களின் வர்த்தகத்தைத் தொடர்ந்து மேற்கொள்ளும் வகையில் பல்வேறு வகையான உதவிகள் செய்யப்பட்டுள்ளன என்று இங்குள்ள இளைஞர்களுக்கு மிளகு, இஞ்சி பயிரிடும் கிடை வழங்கும் நிகழ்ச்சியில் கலந்து கொண்ட பின்னர் செய்தியாளர்களிடம் டத்தோபூரி டாக்டர் ரொனால்ட் கியாண்டி



குறிப்பிட்டார். பெஞ்சானாவில் வெ.35 கோடியும் பெமுலேவில் 50 கோடியும் ஒதுக்கப்பட்டு அக்ரோ வங்கி மைக்ரோ கிரெடிட் நிதித் திட்டம் தற்போது தீவிரமாகச் செயல்படுத்தப்பட்டுள்ளது.

அந்த வகையில் தங்களின் கடன் தொகையைத் திரும்பச் செலுத்துவதில் சிரமத்தை எதிர்நோக்கும் சிறு தொழில் முனைவர்கள் மற்றும் பி40 மக்களுக்கு நிதி நிர்வாகத்தில் உதவி செய்ய அக்ரோ வங்கி தயாராக உள்ளதாக பெலுரான் தொகுதி நாடாளுமன்ற உறுப்பினருமான டத்தோபூரி டாக்டர் ரொனால்ட் கியாண்டி மேலும் கூறினார்.

Headline	Agriculture Ministry plans to add more controlled fresh markets, farmers' markets		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	12 Jul 2021	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	2	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	146 cm <sup>2</sup>
Journalist	NULL	AdValue	RM 750
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,251



## கட்டுப்படுத்தப்பட்ட புதிய சந்தைகள் அதிகரிக்கப்படும்

ஜொகூர்பாரு, ஜூலை 12-

தேசிய மீட்சித் திட்டத்தின் (பி.பி.என்.) 2ஆம் கட்டத்திலுள்ள மாநிலங்களில் கட்டுப்படுத்தப்பட்ட புதிய சந்தைகள் 10 மற்றும் 14 விவசாயச் சந்தைகளை அதிகரிக்க விவசாயம் மற்றும் உணவுத் தொழில்துறை அமைச்சு திட்டமிட்டுள்ளது என்று அதன் 1ஆவதுத் துணை அமைச்சர், டத்தோஸ்ரீ அகமட் ஹம்சா தெரிவித்தார்.

இந்த அணுகுமுறை உண்மையில் நாட்டில் உணவுப் பொருள் கையிருப்பு மற்றும் விநியோகத்தை உறுதிச் செய்தற்கு மட்டுமின்றி 2,595 விவசாயிகளுக்குத் தங்களின் விளைச்சல்களைச் சந்தைப்படுத்துவதற்கும் பேருதவியாய் இருக்கும்.

நாட்டில் கட்டுப்படுத்தப்பட்ட புதிய சந்தைகளை இன்னும் அதிகரிக்க அமைச்சு திட்டமிட்டு உள்ளது. அப்படி பி.பி.என். 2ஆம் கட்டத்தில் இதர மாநிலங்கள் இணையும் போது அங்கு இந்தப் புதிய சந்தைகள் மட்டுமின்றி விவசாயச் சந்தைகளும் அதிகரிக்கப்படும்.

இந்த கட்டுப்படுத்தப்பட்ட புதிய சந்தைகள் 10 மற்றும் 14 விவசாயச் சந்தைகளும் இன்னும் குறுகிய காலத்தில் செயல்படத் தொடங்கி விடும். இவையிரண்டும் பி.பி.என். 2ஆம் கட்டத்தில் மாநிலங்கள் இணைந்தால் மட்டுமே செயல்பட அனுமதிக்கப்படும்.

எனினும், பி.பி.என். முதல் கட்டத்திலுள்ள மாநிலங்களில் கட்டுப்படுத்தப்பட்ட புதிய சந்தைகள் மட்டுமே செயல்படும் என்று மாநில விவசாயச் சந்தை வாரியச் சம்மேளன (ஃபாமா) அலுவலகத்தில் நடைபெற்றச் செய்தியாளர்கள் கூட்டத்தில் விவசாயச் சந்தைகளை விரிவுப்படுத்தும் அமைச்சின் திட்டங்கள் குறித்து ஜாசின் தொகுதி நாடாளுமன்ற உறுப்பினருமான டத்தோஸ்ரீ அகமட் ஹம்சா கருத்துரைத்தார்.

Sebanyak 38.61 tan metrik hasil pertanian dan produk industri makanan telah disalurkan

Oleh FARAH SHAZWANI

### JOHOR BAHRU

**M**AFI Prihatin yang merupakan program inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi manfaat kepada orang ramai terutama pemberian bantuan berupa pelbagai jenis komoditi hasil pertanian dan industri makanan kepada golongan yang terkesan dengan Covid-19 termasuk petugas barisan hadapan.

Melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sahaja, ia telah memberi manfaat kepada 22,774 orang yang terdiri daripada barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 89 lokasi di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, setakat ini sebanyak 38.61 tan metrik hasil pertanian dan produk industri makanan telah disalurkan.

Menurutnya, seramai 436 usahawan tani telah dibantu untuk memasarkan 51 jenis hasil pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam menjalankan aktiviti pemasaran semasa tempoh Sekatan Pergerakan Penuh.

"Dalam siri lawatan kerja di Johor kali ini, MAFI turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada yang memerlukan iaitu hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan di sini dengan kerjasama Koperasi Pemasar FAMA Johor Berhad.

"Seramai 300 orang penerima terdiri daripada petugas dan penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor (Rumah Barkat) dan beberapa lagi rumah kebajikan yang mendapat manfaat dalam program ini dengan agihan sebanyak 800 kilogram terdiri dari komiditi buah pisang berangan, rambutan, nanas Josapine, timun, sayur-sayuran berdaun dan barangan runcit," katanya.

Beliau berkata demikian selepas



Ahmad menyerahkan baka kambing kacang Katjang-Boer ketika melawat Pusat Kecermerlangan Penyelidikan (COE) Halwan Ternakan di MARDI Kluang.

# MAFI Prihatin bantu golongan terkesan Covid-19

mengadakan lawatan kerja ke Projek Pertanian dan Outlet Pemasaran FAMA Negeri Johor serta Penyerahan bantuan MAFI Prihatin di sini pada Sabtu yang turut disertai Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Sementara itu katanya, inisiatif Pasar Segar Terkawal (PST) di bawah FAMA telah menyumbang kepada nilai jualan sebanyak RM48.67 juta dengan melibatkan seramai 2,192 petani bagi memasarkan tanaman mereka di 55 PST seluruh Malaysia.

Jelas beliau, kerajaan merancang untuk menambah bilangan PST dan pasar tani bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercekapkan pengedaran makanan negara.

"Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, majoriti sektor terpaksa 'direhatkan' dan implikasinya begitu besar apabila semua sektor menguncup kecuali sektor pertanian dan industri makanan yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.3 peratus pada tahun lalu.

"PST ini beroperasi di semua negeri termasuk negeri yang tergolong dalam fasa satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) manakala Pasar Tani pula dibenarkan beroperasi di negeri yang sudah memasuki fasa kedua PPN sahaja seperti di Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

"Melihat kepada perkembangan yang positif, dijangka sebanyak 10 PST dan 14 pasar tani lagi akan memulakan operasinya dalam tempoh terdekat dan ini akan melibatkan lebih 2,595 petani untuk berniaga dan memasarkan hasil pertanian mereka," katanya.

Tambahnya, enam PST Johor telah menyumbang RM3 juta daripada nilai jualan keseluruhan yang dibantu oleh permintaan pasaran dari Singapura.

"Ketika ini kita dapat melihat peningkatan hasil jualan sebanyak 1,200



Ahmad (tiga dari kanan) menyampalkan bantuan MAFI Prihatin kepada Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Johor, Ahmad Abu Bakar di Rumah Barkat, Johor Bahru pada Sabtu.

hingga 1,300 tan metrik sehari berbanding sebelum ini kira-kira 900 tan metrik. Kita telah menjangkakan trend peningkatan ini apabila membuka PST yang bukan sahaja dapat memasarkan produk pertanian namun memastikan ia terjual dalam masa ditetapkan," katanya.

### Projek fertigasi timun tuai hasil pertama

Projek fertigasi timun yang dijalankan oleh Koperasi Pemasar FAMA Johor Berhad berjaya menuai hasil pertamanya berjumlah 11 metrik tan akhir Jun lalu.

Dibangunkan di kawasan seluas 0.8 hektar (dua ekar), projek di bawah program Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi itu dibangunkan di kawasan tanah Pejabat FAMA Johor bermula awal Mei lalu.

Pengerusi Lembaga Pengarah Koperasi Pemasar FAMA Johor Berhad, Awi @ Sapawi Johari berkata, pada peringkat permulaan, sebanyak 1,000 polibeg timun ditanam di kawasan seluas 0.4 hektar (satu ekar) dengan dibantu dua pekerja.

"Bagi menjayakan projek fertigasi ini, kami beruntung kerana sejumlah pembiayaan telah diperuntukkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi memberi galakan kepada usahawan tani menceburi bidang ini

"Alhamdulillah percubaan untuk menjayakan tanaman timun ini berjaya dan kita telah tuai sepenuhnya. Kita bercadang untuk menanam timun juga bagi pusingan kedua dan kemungkinan tanaman cili, terung dan peria pada masa akan datang.

"Memandangkan kawasan pertanian yang besar, kita boleh mempelbagaikan

### INFO MAFI Prihatin FAMA

- 89 lokasi
- 14 negeri terlibat
- 22,774 penerima manfaat
- RM114,281 jumlah peruntukan
- 6,327 set produk industri makanan
- 51 komoditi benih dan sayur
- 38.61 tan metrik makanan
- 436 usahawan tani dibantu

jenis tanaman. Kami merancang untuk menjadikan projek fertigasi sebagai tarikan pelancongan khususnya dari Singapura.

"Secara kebetulan projek ini bersebelahan Pasar Tani Kekal Datin Halimah, Larkin yang menjadi pilihan pelancong dari seberang tambak itu. Kita melihat potensi projek ini untuk berkembang dan memberi peluang kepada pengunjung untuk memetik sendiri tanaman yang ingin dibeli," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas lawatan kerja Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah ke Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi yang dibangunkan di Pejabat FAMA Johor dengan kerjasama Koperasi Pemasar FAMA Johor Berhad (KPFJB) di Larkin pada Sabtu.

Sementara itu, Ahmad ketika ditemui berkata, FAMA juga membangunkan 20 Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di seluruh negara yang berfungsi untuk mewujudkan kerjasama strategik usahawan tani dan agensi di bawah MAFI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2021	BERITA HARIAN	BISNES	37

# Bioeconomy Corporation sasar 1,000 peserta dapat pekerjaan

Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) menyasarkan untuk menempatkan antara 900 hingga 1,000 pekerja menerusi program Biokerjaya @ My Future Agro menjelang akhir tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid, berkata setakat 30 Jun lalu, 489 individu yang menyertai program itu mendapat pekerjaan di 66 syarikat yang mengambil bahagian.

Katanya, ini menunjukkan kadar pengambilan pekerja melalui Biokerjaya adalah 49 peratus sejak program itu dilancarkan pada Oktober tahun lalu.

"Kami menjangka kadar ini meningkat dengan pembukaan semula lebih banyak aktiviti ekonomi apabila COVID-19 semakin pulih dan terkawal.

"Program ini juga diteruskan pada setiap tahun selepas berjaya mencatat kejayaan yang menggalakkan dalam membantu individu mendapatkan pekerjaan," katanya kepada *BH* ketika ditemubual secara maya baru-baru ini.

Biokerjaya @ My Future Agro dikendalikan oleh Kementerian

Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang mula dilaksanakan pada Oktober 2020, di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Program itu menggalakkan majikan untuk mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan peluang pekerjaan khususnya dalam sektor bioteknologi, berasaskan bio, pertanian dan industri makanan setelah majoriti sektor ekonomi dibenarkan beroperasi dan perniagaan kembali normal.

Biokerjaya juga menggalakkan syarikat untuk mengambil pekerja tempatan termasuk penganggur, lepasan sekolah, graduan dan individu yang diberhentikan kerja.

Mengulas lanjut, Iskandar ber-

kata, melalui program Biokerjaya, pemohon kerja tidak perlu memiliki latar belakang, pendidikan atau pengalaman dalam bidang bioteknologi mahupun berasaskan bio.

"Dengan menjalani latihan semasa bekerja selama enam bulan khusus melalui program Biokerjaya, pemohon dapat mempelajari dan menguasai kemahiran praktikal serta insaniah yang baharu dalam bidang saintifik ini.

"Jika majikan tidak bercadang untuk mengambil peserta sebagai pekerja tetap setelah program ini tamat, mereka tetap memperoleh pengalaman kerja berharga dan kemahiran baharu yang membolehkan mereka bekerja dalam bidang berkaitan bioteknologi dan

berasaskan bio.

"Mereka juga digalakkan menjadi agropreneur atau usahawan dalam bidang ini, manakala Bioeconomy Corporation akan membantu serta membimbing mereka untuk memohon pembiayaan mikro Kredit setelah tamat latihan Biokerjaya," katanya.

Iskandar berkata, menerusi program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu-Sijil Kemahiran Malaysia (PPT-SKM), ia mengiktiraf kemahiran serta kepakaran calon pekerja berdasarkan bidang dan pengalaman mereka.

Katanya, ini dapat mengetengahkan keupayaan dan kebolehan calon pekerja dalam pasaran pekerjaan yang mencabar akibat COVID-19.

"Sebagai contoh, jika peserta yang mempunyai sekurang-kurangnya setahun pengalaman kerja sebagai pembantu makmal tisu kultur, mereka layak untuk mengiktiraf kemahiran dan kecakapan dalam pengurusan tisu kultur di bawah Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan seterusnya mendapat sijil melalui PPT-SKM," katanya.



Setakat 30 Jun lalu, 489 individu yang menyertai program ini mendapat pekerjaan di 66 syarikat yang mengambil bahagian

Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid, Malaysian Bioeconomy Development Corporation

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

## Kelantan tambah tempat sembelihan korban

**Kota Bharu:** Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bersetuju memberi kebenaran kepada pihak masjid bandar, jajahan dan mukim untuk menambah tempat sembelihan ibadah korban di lokasi yang sesuai.

Yang Dipertua MAIK, Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz, berkata kebenaran tambahan itu diberikan, berikutan pihaknya mendapat maklumat ada masjid yang tidak memenuhi kriteria seperti mana ditetapkan Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban dalam Fasa Satu Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) di Kelantan.

Katanya, lokasi yang sesuai itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dan dikawal selia oleh pihak masjid bandar, jajahan dan mukim.

"Kawasan yang dicadangkan perlu diadakan di dalam kawasan berpagar dan mempunyai keluasan mencukupi sekurang-kurangnya 10 meter persegi.

"Tapak penyembelihan yang sesuai, bersih dan selamat serta tidak berhampiran dengan saliran awam," katanya menerusi satu kenyataan di sini, semalam.

Tengku Mohamad Rizam yang juga Tengku Temenggong Kelantan berkata, jumlah maksimum sembelihan korban juga hendaklah tidak melebihi lima ekor sehari atau 20 lembu dalam tempoh empat hari (20 Julai hingga 23 Julai).

Katanya, ibadah korban yang dijalankan juga perlu mendapat kebenaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kepatuhan semua pihak terbabit seperti penganjur, peserta dan petugas dalam pelaksanaan ibadah korban, insya-Allah akan dapat mengurangkan risiko dan membendung penularan wabak COVID-19.

"Adalah diharapkan dengan pelaksanaan dan pematuhan garis panduan ibadah korban ini akan dapat membantu usaha memutuskan rangkaian wabak COVID-19," katanya.

Pada 2 Julai lalu, Kelantan membenarkan pelaksanaan ibadah korban, proses penyembelihan haiwan korban dibenarkan untuk dilaksanakan di rumah sembelih ruminan Kompleks Abatoir Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di tiga jajahan iaitu Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas.

Pelaksanaan itu turut dibenarkan di masjid bandar, jajahan, mukim dengan kelulusan MAIK, bagaimanapun, aktiviti korban persendirian atau keluarga adalah tidak dibenarkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN/TERENGGANU	33

# Ibadah korban persendirian dilarang di Kelantan

MAIK hanya benarkan ia dilakukan di rumah sembelih ruminan, masjid yang mendapat kelulusan

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

**KOTA BHARU**

Ibadah korban tidak dibenarkan dilakukan secara persendirian atau keluarga serta di seluruh kawasan yang terbabit dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) hanya membenarkan ibadah tersebut dijalankan di rumah sembelih ruminan iaitu Kompleks Abatoir DVS di Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas; serta di masjid bandar, jajahan

atau mukim dengan kelulusan MAIK.

Yang Dipertua MAIK, Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, bilangan maksimum untuk sembelihan haiwan korban dalam satu hari juga dihadkan kepada lima ekor sahaja.

Beliau berkata, MAIK menerima maklumat berkaitan masjid-masjid yang tidak memenuhi kriteria prosedur operasi standard (SOP) pelaksanaan ibadah korban dalam tempoh PKP 3.0 di negeri ini.

“Tidak menepati kriteria seperti tidak mempunyai kawasan berpagar serta keluasan kawasan kurang daripada 10 meter persegi, selain permohonan sembelihan korban melebihi 20 ekor dalam tempoh empat hari,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, MAIK memberi ke-  
longgaran untuk pihak masjid bandar,



MOHAMAD RIZAM

jajahan atau mukim menambah tempat penyembelihan haiwan korban di lokasi lain dengan mematuhi perkara-perkara berikut.

“Kawasan dikawal selia oleh pihak masjid bandar, jajahan dan mukim berdasarkan SOP pelaksanaan ibadah korban PKP 3.0 Kelantan.

“Ibadah korban dijalankan dalam kawasan yang berpagar dan mempunyai keluasan yang mencukupi sekurang-kurangnya 10 meter persegi,” ujarnya.

Tambah beliau, tapak penyembelihan perlu sesuai, bersih dan selamat serta tidak berhampiran tempat awam.

“Jumlah maksimum sembelihan korban hendaklah tidak melebihi lima ekor sehari atau 20 ekor lembu dalam tempoh empat hari bermula 20 sehingga 23 Julai 2021. Selain itu, perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak polis,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	34

# Durian Kuala Krai dijual RM5 sekilo

Pemilik kebun durian kampung tak menang tangan penuhi permintaan pelanggan

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

## KUALA KRAI

**S**edap dan murah. Itu yang boleh disimpulkan dengan keenakan rasa durian Kuala Krai yang menjadi pilihan dalam kalangan penggemar raja buah di Kelantan.

Dijual dengan harga serendah RM5 sekilogram menjadikan pemilik kebun durian kampung khususnya di Kampung Mambong, Sungai Rimau, Bahagia dan kawasan sekitar di sini tidak menang tangan untuk memenuhi permintaan para pelanggan.

Namun penggemar raja buah itu perlu menyelusuri Sungai Galas menggunakan bot enjin galah hampir satu jam untuk menikmati keenakan rasanya.

Pada masa sama ia memberikan rezeki terpijak kepada pemilik kebun sekali gus meredakan tekanan di musim pandemik Covid-19 ketika ini.



Penduduk kampung Mambong, Kuala Krai membersihkan durian sebelum dijual kepada pemborong.

Norazati menunjukkan isi buah durian yang ditanam di kebunnya di Kampung Mambong, Kuala Krai yang bukan sahaja sedap tetapi harganya murah.

## MUSIM RAJA BUAH

la diakui sendiri oleh penduduk K a m p u n g Mambong, Norazati Razak, 43, apabila dia mampu meraih pendapatan lumayan setiap kali musim durian.

"Alhamdulillah hasil sedikit lumayan berbanding tahun lalu. Setiap hari saya mampu menjual sekitar 40 kilogram (kg) durian," katanya ketika ditemui pada Ahad.

Menurutnya, kebanyakan hasil kebunnya itu dijual secara

terus kepada pemborong yang datang ke kampung berkenaan.

Norazati berkata, dia bersyukur kerana durian di kebun miliknya berbuah dengan begitu lebat kali ini berbanding tahun lalu.

Dia berkata, bukan itu sahaja kebanyakan buah durian yang luruh tahun ini lebih berkualiti dan tidak banyak rosak.

Sementara itu, seorang ibu tunggal, Roslina Che Min, 41, berkata, setiap hari dia akan membawa keluar raja buah itu

dengan menyelusuri sungai menggunakan bot dari kebunnya di Sungai Rimau untuk ke tebing Tangga Krai sebelum dijual kepada pemborong.

Katanya, selain itu dia turut membuka gerai jualan durian segar berhampiran hentian bas Batu Jong.

"Durian kampung yang saya jual (di hentian bas Batu Jong) ada pelbagai gred dengan harga serendah RM8-RM15 untuk 1kg.

"Alhamdulillah setakat hari ini, kebanyakan pelanggan ber-

puas hati dengan durian yang saya jual. Walaupun saiz agak kecil, namun rasa dan isinya sebanding dengan baka-baka tersohor," katanya.

Menurutnya, walaupun dalam suasana Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) pemborong sanggup merentas daerah dengan izin untuk mendapatkan durian dari Kuala Krai.

Roslina berkata, ini kerana menurut mereka durian Kuala Krai lebih mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan.



12/7/2021

UTUSAN

DALAM

26

MALAYSIA

NEGERI

# Nurseri Pak Mokhtar guna 1,000 besen semai pokok

Oleh MUHAMMAD ZIKRI  
utusannews@mediamulla.com.my

**PONTIAN:** Orang ramai yang melalui jalan Batu 40, Kampung Api-Api di sini tentunya akan melihat sosok tubuh seorang warga emas yang menguruskan nurseri mimi yang ditanam dengan pelbagai pokok dan tanaman herba.

Uniknya, nurseri yang diusahakan Mokhtar Siron, 70, tidak menggunakan pasu sebagai medium utama, sebaliknya menggunakan kira-kira 1,000 besen bagi menanam pelbagai jenis bunga dan pokok di tanah seluas 2.4 hektar.

Menceritakan kepada Utusan Malaysia, Mokhtar atau lebih mesra dipanggil Pak Mokhtar juga merupakan seorang bekas kontraktor landskap sekitar 1970 hingga 2000 yang banyak melakukan kerja-kerja itu di kawasan pihak berkuasa tempatan termasuk pusat pentadbiran negeri di Kota Iskandar.

"Selepas bersara pada tahun 2000, saya menumpukan kepada kerja-kerja menanam pelbagai jenis tanaman seperti serai, kunyit, cekur, temu lawak, lempayang yang merupakan tana-



**MOKHTAR SIRON** menunjukkan bunga ros Jepun yang ditanam menggunakan besen di nurseri mini miliknya di Kampung Api-Api, Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

man jenis herba.

"Tanaman seperti itu semakin kurang ditemui seperti kunyit hitam, kunyit putih, kunyit hitam India yang mempunyai pelbagai khasiat bagi tujuan perubatan dan sebagainya," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambah Mokhtar, selain itu,

terutama peminat bunga Ros Jepun dengan jualan mampu diperolehi antara 10 hingga 15 besen sehari.

Mokhtar berkata, selain bunga ros Jepun tanaman kedua yang menjadi tumpuan adalah pandan kuning yang ditanam di dalam pasu dengan harga setiap pasu bermula RM30 hingga RM50.

Ketika ditanya mengapa terus memilih kerja-kerja seperti itu, dia memberitahu, minat serta tanggungjawab bagi memastikan tanaman herba khususnya agar terus terpelihara serta dapat membantu mereka yang memerlukan.

"Bukan soal pendapatan tetapi menggunakan masa lapang dengan kerja-kerja yang dapat membantu orang lain memandangkan kedudukan nurseri mini saya terletak di jalan utama Pontian ke Benut.

"Tanaman serai yang dilakukan lebih daripada 10 tahun telah dapat memudahkan pengusahanya nasi ayam mendapatkan belakannya setiap hari dan saya juga menawarkan khidmat nasihat bagi tanaman agar hidup subur dan mengeluarkan hasil yang banyak," katanya.

tengah hari setiap hari dengan pelbagai warna yang jarang ditemui di tempat lain," ujarnya.

Katanya, bunga ros Jepun yang ditanam menggunakan besen itu dijual dengan harga antara RM20 hingga RM30 bergantung kepada saiz dan men-

dapat sambutan orang ramai